

11/29/22, 9:44 AM

HASIL Bantu Perangi Rasuah « MYNEWSHUB

TERKINI UTAMA & SENSASI



By Mohd Arshad 27/11/2022 0 0

Rasuah antara gejala yang membelenggu kebanyakan negara dunia. Ia suatu persoalan yang sentiasa dibangkitkan di mana juga tentang bagaimana usaha untuk memeranginya.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Tiada sebuah negara boleh mendakwa mereka bebas rasuah sepenuhnya. Bahkan pemberian kasut dan baju boleh dianggap suapan bergantung kepada nilai dan niatnya.

Rasuah terbukti berisiko melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi dan menyebabkan pentadbiran sesebuah negara menjadi lemah.

Rasuah menjelaskan imej dan kredibiliti negara, menjelaskan kualiti infrastruktur pembangunan serta melahirkan rakyat yang tidak amanah dan gagal.

Malaysia sejak dulu berusaha memerangi gejala rasuah. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) juga tidak ketinggalan dalam membantu memeranginya.

Antaranya melalui pemberian potongan cukai kepada mana-mana syarikat yang melaksanakan program antirasuah atau

program integriti.

Syarikat terlibat layak menuntut potongan cukai mengikut Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967, namun tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Individu terbabit rasuah dan salah guna kuasa turut berdepan tindakan mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) terutama kesalahan mengelak bayaran cukai kepada HASIL.

Mungkin perasuh merasakan mereka boleh bebas dan lepas daripada tindakan agensi lain, tetapi mereka tidak akan terlepas daripada tindakan HASIL.

Ini bermaksud langkah HASIL dalam membantu negara membanteras gejala rasuah bukan sekadar sambil lewa atau 'bagai melepaskan batuk di tangga'.

Semua pihak harus mengembeleng usaha seperti dilakukan HASIL dalam menyokong usaha menghapuskan gejala rasuah di negara ini berdasarkan kapasiti masing-masing.

-Mynewshub

11/29/22, 9:44 AM

HASIL Bantu Perangi Rasuah « MYNEWSHUB

www.mynewshub.tv

Bitcoin Profit Way